

UPSI buka lapang sasaran golf, pusat boling

Tanjong Malim, 28 Feb - Warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan masyarakat boleh menggunakan Lapang Sasar Golf Banjaran di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City selepas Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff merasmikannya Rabu lalu.

Prof Datuk Md Amin dalam ucapan perasmianya berkata lapang sasaran yang siap sepenuhnya pada Disember 2023 itu bakal menjadi tumpuan peminat golf untuk memahirkan diri dalam sukan itu.

Dijenamakan sebagai 'Driving Range Banjaran UPSI', katanya, ia bakal menjanjikan satu tarikan yang mendamaikan jiwa dengan saujana mata memandang berikutan dilatari Banjaran Titiwangsa.

"Saya menjemput orang ramai memeriahkan lapang sasaran golf 20 bay ini yang dibuka setiap hari tanpa cuti bermula jam 10 pagi hingga 11 malam, kecuali Selasa bermula pukul 2 petang untuk memberi laluan kerja-kerja penyelenggaraan," katanya.

Sempena perasmian itu, beberapa pempengaruh Tiktok popular seperti Khalid Adnan atau lebih dikenali dengan nama GMK; Khairul Naim Abg Koba serta Andi Kecanduan Golf yang juga Presiden Golfer Marhain Malaysia berkampung beberapa hari bagi membantu mempromosi lapang sasaran baharu itu.



Pada hari sama, Prof Md Amin menyaksikan UPSI Holding Sdn Bhd (UHSB) menandatangani perjanjian dengan Bumi Infra Khidmat Enterprise Sdn Bhd (BIKE) untuk mewujudkan sebuah Pusat Bowling UPSI di Kampus Sultan Azlan Shah.

Pusat Bowling itu dijangka siap pada Jun 2024 dan akan beroperasi sepenuhnya pada penghujung Jun atau selewat-lewatnya pertengahan bulan Julai 2024.

"Dengan terbinanya Pusat Bowling yang satu-satunya ada di Tanjong Malim ini, saya percaya Pusat Bowling dengan kapasiti 24 lorong ini akan menjadi tumpuan warga UPSI khasnya dan warga Tanjong Malim amnya.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Kunjungan Hormat Ketua Jabatan Syariah Public Islamic Bank ke UPSI

Tanjong Malim, 27 Feb - Kunjungan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Syariah, Public Islamic Bank Ahmad Suppian Mat Nan, bersama dua orang pegawai kanan Bahagian Syariah.

Perbincangan dipengerusikan oleh Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff. Turut hadir Bendahari UPSI, Haji Mohamad Najib Mohamed dan Pengarah WEZAS, Prof Madya Dr Abdul Nasir Abdul Latiff.

Banyak perkara yang telah dibincangkan dan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak bakal diperincikan dalam masa terdekat. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Public Islamic Bank atas sumbangan pendidikan pada pihak UPSI.



Jabatan Kehakiman Syariah Perak Rancang Anjur Sukan Staf di UPSI

Tanjong Malim, 27 Feb - Delegasi Jabatan Kehakiman Syariah Perak telah hadir bagi membuat tinjauan berkaitan penganjuran sukan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Ogos 2025. Delegasi seramai 11 orang diketuai oleh YA Tuan Muhammad Fauzi Uzir Abd. Wahab, Ketua Pendaftar sedang merancang untuk melaksanakan 15 jenis sukan. UPSI dipilih sebagai salah satu tempat penganjuran kerana pengalaman yang cemerlang sebelum ini.

Jabatan Kehakiman Syariah Perak telah dipilih menjadi urus setia sukan peringkat kebangsaan pada tahun 2025.



Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera Terokai Peluang Kerjasama di UPSI

Tanjong Malim, 28 Feb - Kunjungan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) diketuai oleh Ketua Eksekutif, Dato' Mohd Nizar Haji Sudin berkongsi idea dan pandangan kedua-dua belah pihak dalam usaha menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan secukupnya bagi warga ATM dan membangunkan organisasi serta sumber manusia dalam selaras dengan keperluan pendidikan ATM. UPSI bersedia memberi khidmat kepakaran dalam bidang Pendidikan serta mengenalpasti peluang dan ruang bagi melahirkan anak-anak dan warga ATM yang cemerlang dalam Pendidikan.



Wakil UPSI terpilih ke Program Qari in Residence di Universiti Oxford, Dewan Malaysia Sydney dan Dewan Malaysia Melbourne

Tanjong Malim, 1 Mac - Peluang menjadi Imam Solat Terawih merupakan satu nikmat tidak diperolehi oleh kebanyakan umat Islam. Ia merupakan satu tanggungjawab dan amanah besar bagi insan yang terpilih dalam melaksanakan suruhan Allah SWT.

Satu penghormatan dan pengiktirafan besar buat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di mana, dua orang pelajar dan seorang kakitangan telah dipilih untuk menjadi imam di University Oxford, United Kingdom, Malaysia Hall Sydney dan Malaysia Hall Melbourne, Australia sepanjang bulan Ramadan tahun 2024.

Dua pelajar UPSI tersebut merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qira'at dengan Pendidikan, Fakulti Sains Kemanusiaan iaitu Ikram Hakim Mat Nasir akan menjadi imam di Universiti Oxford, United Kingdom dan Nasrul Zikri Mohd Nazri pula akan menjadi imam di Dewan Malaysia Melbourne, Australia. Manakala Muhammad Majdan Ismail, Pegawai Tadbir Pusat Islam UPSI akan ditempatkan di Dewan Malaysia Sydney, Australia.

